

# DYFENAMIC TABLET / CAPSULE

Mefenamic Acid (250 mg, 500 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dyfenamic
2. Bagaimana Dyfenamic berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dyfenamic
4. Cara menggunakan Dyfenamic
5. Semasa menggunakan Dyfenamic
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyfenamic
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dyfenamic

Dyfenamic digunakan untuk merawat kesakitan ringan dan sederhana dari pelbagai keadaan.

## Bagaimana Dyfenamic berfungsi

Mefenamic Acid berfungsi dengan mengurangkan kesakitan dan keradangan.

## Sebelum menggunakan Dyfenamic

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Dyfenamic jika anda:

- Mempunyai ulser atau keradangan pada saluran gastrousus.
- Alahan kepada Mefenamic Acid.

## Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Dyfenamic jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Dyfenamic jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

## - Sebelum mula menggunakan

Ia perlu diberi dengan berhati-hati kepada pesakit yang mengalami gangguan pendarahan, penyakit jantung, ulser perut atau dengan sejarah ulser, dan orang-orang yang menerima coumarin anticoagulants.

## - Jika mengambil ubat-ubat lain

Mefenamic Acid boleh meningkatkan kesan anticoagulants coumarin.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Dyfenamic

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa: Kesakitan - 500 mg pada permulaan, diikuti dengan 250 mg setiap 6 jam seperti yang diperlukan. Rawatan tidak perlu diteruskan untuk lebih dari 7 hari.

Kekejangan ketika haid - Ubat harus dimulakan dengan bermulanya pendarahan dan simptom-simptom yang berkaitan dan tidak perlu lebih dari 2 - 3 hari.

Kanak-kanak dengan penyakit Still's: 25 mg/kg berat badan setiap hari dalam dos yang dibahagikan (hanya untuk tablet).

Semua perlu diambil dengan makanan atau selepas makan.

Selepas menilai nisbah risiko/faedah dalam setiap individu pesakit, dos efektif yang paling rendah untuk tempoh yang sesingkat mungkin perlu digunakan.

- Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak Dyfenamic boleh menyebabkan loya, muntah, gangguan gastrousus dan pendarahan gastrik.

## Semasa menggunakan Dyfenamic

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyfenamic.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami ruam dan lepuh kulit semasa rawatan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Dyfenamic dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera  
Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan jentera sehingga anda tahu bagaimana ubat ini memberi kesan kepada anda.

Ia perlu diberi dengan berhati-hati kepada pesakit dengan buah pinggang yang terjejas dan pesakit dengan fungsi hati terjejas. Ia boleh menjejaskan keupayaan untuk melakukan aktiviti yang memerlukan kecerdasan mental atau koordinasi fizikal.

# DYFENAMIC TABLET / CAPSULE

Mefenamic Acid (250 mg, 500 mg)

Rawatan tidak perlu diteruskan untuk lebih dari 7 hari pada kanak-kanak, kecuali dalam rawatan penyakit Still's.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Dyfenamic boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan adalah:

- Gangguan gastrousus.
- Ulser peptik dan pendarahan gastrousus.
- Sakit kepala, pening, gemuruh, ruam kulit, kegatalan, bunyi deringan dalam telinga, bengkak, kemurungan, mengantuk, kesukaran untuk tidur, penglihatan kabur.
- Tindakbalas hipersensitiviti, kemerosotan fungsi buah pinggang dan hati, dan cirit-birit boleh berlaku.
- Ruam kulit kadang-kadang dengan kulit melepuh.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

## Cara penyimpanan dan pelupusan Dyfenamic

### - Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak  
Jangan simpan melebihi 30°C  
Lindungi daripada cahaya

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

DYFENAMIC CAPSULE 250MG  
Kapsul gelatin berwarna ivory dengan penutup biru bersaiz '1' dengan serbuk putih.

DYFENAMIC TABLET 250MG  
Tablet berbentuk bulat dan dwi cembung, berwarna kuning dan bersalut.

DYFENAMIC TABLET 500MG  
Tablet berbentuk oval, dwi cembung dan bergaris, berwarna kuning dan bersalut.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Mefenamic Acid
- Bahan-bahan tidak aktif  
DYFENAMIC CAPSULE 250MG  
Corn Starch  
Lactose Powder 200 Mesh  
Sodium Starch Glycolate  
Magnesium Stearate  
Aerosil 200  
Sodium Lauryl Sulphate

DYFENAMIC TABLET 250MG  
Lactose Powder 200 Mesh  
Corn Starch  
Kollidon Cl  
Magnesium Stearate  
PVP K90  
Onicoat TC-5124 Yellow – YL 205  
Chloroform Spirit

DYFENAMIC TABLET 500MG  
Lactose Powder 200 Mesh  
Corn Starch  
PVP K90  
Sodium Starch Glycolate  
Magnesium Stearate  
Kollidon Cl  
Onicoat TC-5124 Yellow – YL 205  
Chloroform Spirit

### - Nombor MAL

DYFENAMIC CAPSULE 250MG  
MAL19910013AZ

DYFENAMIC TABLET 250MG  
MAL19910165AZ

DYFENAMIC TABLET 500MG  
MAL19910166AZ

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk. 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3,  
13600 Perai, Pulau Pinang, Malaysia

## Tarikh kemaskini RiMUP

27/08/2024

## Nombor Siri:

NPRA(R2/2)240822/1338